

24/09/1997

Kereta kedua USPD, Citroen akhir tahun

PRODUK kedua hasil kerjasama Usahasama Proton-DRB Sdn Bhd (USPD) dan Citroen, pengeluar kereta terkemuka yang berpangkalan di Perancis, akan berada di pasaran menjelang akhir tahun depan.

Berasaskan kepada model PS8 yang dikeluarkan oleh Citroen di Eropah, kapasiti model baru itu adalah 1114cc dan saiznya besar sedikit berbanding Proton Tiara iaitu produk sulung hasil kerjasama dua pihak terbabit yang mula berada di pasaran pada 5 April 1996.

Pengerusi DRB-Hicom, Datuk Mohd Saleh Sulong, berkata harga Proton model PS8 tinggi sedikit daripada Proton Tiara. Tiara berkeupayaan 1,100cc yang dimajukan berdasarkan model Citroen AX dijual pada harga kira-kira RM36,000.

"Kita menyediakan kemudahan untuk mengeluarkan kira-kira 60,000 unit model PS8 setahun menjelang 1998/99. Namun, kita akan meneruskan rancangan untuk mengeluarkan Tiara 1,800cc kerana jualan Tiara yang sudah menjangkau kira-kira 16,000 unit sekarang masih boleh diperbaiki."

"Untuk model PS8 ini pula, akan turut dieksport dan perjanjian bagi versi pertamanya membabitkan pengeksportan ke 38 negara. Versi kedua bagaimanapun, tiada had negara untuk dieksport," katanya.

Beliau berkata demikian selepas upacara menandatangani perjanjian di antara dua anak syarikat kumpulan DRB-Hicom itu - Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) dan USPD dengan Automobiles Citroen, bagi mengeluarkan kereta bersama.

Majlis itu disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Syarikat dari Perancis itu diwakili pengerusinya, Jacques Calvet.

Model PS8 yang akan dimajukan oleh Proton, itu akan dipasang di kilang Automotive Manufacturers di Pekan, Pahang iaitu anggota kumpulan syarikat DRB-Hicom.

Model baru itu akan diedarkan oleh USPD. Model baru itu pertama kali dilancarkan tahun lalu di Eropah, dengan menggunakan jenama PS8.

(END)